



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

KENYATAAN AKHBAR

14 April 2017

PNB serah zakat lebih RM7.3 juta kepada Negeri Sembilan

SEREMBAN:- Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini membuat bayaran zakat perniagaan kepada Negeri Sembilan Darul Khusus yang berjumlah RM7,376,800.00.

Cek zakat perniagaan Kumpulan PNB itu disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, YBhg Tan Sri Abdul Wahid Omar kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hassan selaku Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Turut hadir ialah Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, YBhg Dato' Abdul Rahman Ahmad.

Pembayaran zakat oleh Kumpulan PNB dikira mengikut 'haul' dan 'nisab' yang sudah ditetapkan. Zakat perniagaan oleh PNB ini tidak meliputi agihan pendapatan untuk pemegang akaun unit amanah yang melabur dalam tabung yang dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Pemegang akaun dinasihatkan melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah yang berkenaan.

Dikeluarkan oleh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Encik Aziz Anuar

Naib Presiden Kanan

Bahagian Hal Ehwal Korporat & Komunikasi

Tel : 03-2050 5810

Faks: 03-2050 5268

E-mel: aziz_a@pnb.com.my